KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	22.04.22	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	PERHILITAN			



Waspada sang gajah melintas

Kota Tinggi: Pengguna Jalan Penawar-Pengerang di sini, diingatkan supaya berhati-hati dan tidak memandu laju susulan kehadiran gajah di kawasan berkenaan kebelakangan ini.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Johor Aminuddin Jamin berkata, walaupun sehingga kini pihaknya tidak merekodkan sebarang kejadian tidak diingini namun semua pengguna jalan raya seharusnya berwaspada.

Katanya, ia terutama di kawasan yang memiliki papan tanda amaran lintasan hidupan liar dipasang di kiri dan kanan jalan berkenaan.

Katanya, pengguna tidak perlu membunyikan hon, panik atau keluar dari kenderaan untuk merakamkan gambar atau video kerana ia mungkin menyebabkan berlaku perkara tidak diingini.

"Tindakan itu dianggap sebagai ancaman oleh haiwan liar sebelum ia bertindak balas dan boleh mengundang risiko.

"Pengguna jalan raya juga seharusnya menghentikan kenderaan di jarak yang selamat jika terserempak dengan haiwan itu," katanya.